

20 Oktober, 1981

PM tidak cadang lawat Singapura dan Filipina

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia telah pun mengeluarkan undangan rasmi kepada pemimpin-pemimpin Asean untuk mengunjungi negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat hari ini.

Bellau menegaskan demikian kepada beberapa soalan mengenai lawatannya ke Indonesia dan Thailand baru-baru ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir selanjutnya memberitahu Dewan yang bellau tidak lagi

bercadang melawat Singapura dan Filipina.

Menjawab pertanyaan Datuk Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar), Perdana Menteri menjelaskan, lawatannya ke Indonesia dan Thailand baru-baru ialah ini untuk bertukar-tukar pendapat dan berunding dengan pemimpin-pemimpin negara berkenaan.

Di antara tajuk perbincangan termasuklah perkara hubungan dua hala dan masalah antarabangsa yang berkaitan dengan kepentingan bersama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia